

Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar

AB. HALIM BIN TAMURI & ZARIN BIN ISMAIL

ABSTRAK

Pembanjiran isi kandungan yang negatif daripada massa media, sama ada dari dalam atau luar negara, telah mendatangkan banyak ancaman kepada remaja Melayu Islam masa kini. Memandangkan perkembangan teknologi modern yang pesat, massa media dianggap sebagai faktor yang paling kuat pengaruhnya dengan kesan besar ke atas remaja, sama ada di bandar dan juga di luar bandar. Makalah ini adalah untuk membincangkan satu kajian tentang pengaruh massa media ke atas sekumpulan pelajar Melayu di Sabak Bernam, Selangor. Objektif kajian itu adalah untuk mengenal pasti tahap pendedahan media massa di kalangan remaja itu kepada jenis dan isi kandungan yang berbeza-beza dan juga menganalisis hubungan antara pengaruh media massa dan pemegangan nilai akhlak mereka dengan menggunakan satu set borang soal selidik ke atas seramai 398 pelajar Melayu daripada Tingkatan 4 di daerah yang berkenaan.

Kata kunci: Etika Islam, media massa, remaja Melayu, kawasan luar bandar, Sabak Bernam

ABSTRACT

The influx of negative contents in the mass media, both local and abroad, has created menace to Malay Muslim youths today. Due to the fast development of modern technology, it is considered one of the most influential factors with great impact on the youths, both in urban and rural areas. This paper is to discuss a study on the influence of mass media on a group of Malay students in Sabak Bernam, Selangor. The objectives of the study are to ascertain the level of exposure of the youths to the different types and contents of the mass media and analyze the relationship between the influence of mass media and the internalization of their ethical values by using a set of questionnaires on 398 Form 4 Malay students from the district.

Key words: Islamic ethics, mass media, Malay adolescent, rural areas, Sabak Bernam

PENDAHULUAN

Pada umumnya, pengaruh media massa amat besar ke atas generasi muda, khususnya golongan pelajar dan remaja. Daripada perspektif Islam, zaman remaja adalah masa yang sangat penting kerana pada waktu itu mereka telah mula ditaklifkan dengan hukum-hukum Islam. Remaja Melayu tidak boleh mempunyai gaya hidup seperti remaja di negara barat. Sebaliknya, remaja Melayu telah disosialisasikan dengan nilai-nilai hidup sebagai orang timur yang berteraskan nilai-nilai moral daripada ajaran agama Islam. Selain itu, mereka telah diajarkan ilmu dan maklumat yang sesuai dengan prinsip dasar hukum Islam bagi memastikan mereka melalui perkembangan emosi, rohani dan intelektual sehingga boleh membezakan kelakuan halal dan sebaliknya. Kewujudan bahan-bahan dengan nilai moral yang negatif dalam majalah, akhbar, radio, filem, CD, VCD, TV dan Internet telah menimbulkan masalah serius kepada perkembangan remaja masa kini. Masalah itu menjadi semakin serius akibat kesibukan ibu bapa, maka tidak dapat memberi perhatian yang wajar kepada pendidikan anak-anak mereka. Ada ibu bapa dengan tidak disedari telah membiarkan anak-anak mereka menonton rancangan hiburan di TV, CD, VCD dan melayari laman web dengan bebas dalam erti kata tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kini, televisyen sudah menjadi alat siaran yang popular dan penting di Malaysia dari segi hampir kesemua rumah di negara ini sudah mempunyai media elektronik ini. Kepopularan itu juga disebabkan kita bukan sahaja mempunyai enam saluran televisyen percuma, iaitu TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8 dan TV9, tetapi juga saluran televisyen berbayar, iaitu Astro dan MTV. Selain itu, penduduk di selatan Malaysia boleh menerima siaran televisyen dari negara jiran, seperti Singapura dan Indonesia. Pengaruh nilai moral yang negatif ke atas remaja kita juga berpunca daripada hampir kesemua saluran radio Malaysia menyiar lagu-lagu yang berentak *heavy metal, rap, blues, pop, slow rock* dan *rock*. Masalah itu bertambah berat dengan majalah popular dan halaman hiburan di akhbar kita yang menyiar banyak berita dan gambar artis, luar dan dalam negeri, yang dianggap bertentangan dengan nilai agama Islam dan budaya orang timur. Kini, kesan negatif daripada pengaruh massa media mudah dirasai remaja kita di kawasan luar bandar kerana gabungan kesemua faktor itu: perkembangan teknologi dan mudahnya mendapat siaran (Ab. Halim et al 2005). Jenis hiburan, bahan bacaan, bahan audio video serta gambar yang ditonton itu telah mengakibatkan ketidak-stabilan dalam emosi dan psikososial mereka. Penyebaran bahan-bahan secara berleluasa dan terbuka itu bukan sahaja seolah-olah telah mengikut peraturan, tetapi juga tanpa menyalahi etika yang sedia

ada dalam masyarakat. Dengan kata lain, bahan-bahan itu seolah-olah “dihalalkan” undang-undang dan peraturan.

Sehubungan itu, Mugheses-uddin (1997: 57) telah menjelaskan bagaimana media massa boleh mencemarkan masyarakat secara terbuka seperti yang dipetik di bawah ini:

There are many ways in which the media can offend without straying beyond the laws: inaccuracy, lies, distortions, bias, propaganda, favoritism, sensationalism, trivialization, lapses of tastes, vulgarity, sleaze, sexism, racism, homophobia, personal attacks, smears, character assassination, deception, and invasion of privacy.

Selain itu, Syed Ali Ashraf telah juga mengkritik pihak media massa yang sering menggunakan pelbagai alasan, termasuk hak dalam demokrasi, kebebasan bersuara dan hak individu, untuk membolehkan mereka melaksanakan beraneka rancangan dan program yang akhirnya telah merosakkan budaya, cara hidup dan pegangan agama seseorang. Menurut Ashraf (1997: 1):

...it [the media] has become a very powerful instrument in the hands of human beings to cultivate or destroy moral values, to affect and control the minds of people by those who have the power over these media. In the name of freedom and human rights, various big and small companies have started putting up programmes with little censorship or restriction. Whether these programmes will be good or bad depends on what is meant by good or bad and who determines what is good and what is evil.

Beliau menegaskan konsep kebaikan dan keburukan, konsep benar dan salah yang berasaskan nilai-nilai agama telah dihapuskan atas alasan yang sama. Hak menentukan suatu yang baik atau sebaliknya terletak pada individu. Di sini pihak media massa lebih mementingkan keuntungan kewangan, selain bersikap individualistik. Pertimbangan materialistik telah menyebabkan pihak media massa buta kepada kesan buruk dari segi jangka masa panjang yang akan berlaku dalam masyarakat.

Dalam dunia sekarang, televisyen telah mengatasi bahan-bahan pendidikan cetak dalam persaingan mereka. Ini disebabkan sifat multi-media yang ada pada televisyen itu lebih menarik minat khalayak berbanding dengan bahan-bahan cetak yang bersifat literal, apatah lagi buku akademik yang berat-berat isinya, lagipun fungsi asal dan matlamat akhir televisyen adalah untuk memberi hiburan. Ini juga dinyatakan Larking (1997: 40) bahawa “*television's task is to entertain and even when it is seeking to inform, it must be done in an entertaining manner*”. Remaja lebih tertarik kepada sifat hiburan pada televisyen, sehingga mereka boleh menontonnya berjam-jam, sehingga menonton televisyen sudah menjadi budaya di kalangan remaja yang tidak berminat kepada buku pelajaran. Sehubungan itu, Larking menganggap televisyen telah berubah menjadi “berhalu zaman moden” di rumah, malahan sudah menjadi ancaman kepada pegangan agama. Penyalahgunaan televisyen dalam erti kata menontonnya berlebihan dan tanpa kawalan itu boleh memberi kesan negatif kepada generasi muda setidak-tidaknya telah membentuk remaja menjadi hamba kepada televisyen,

selain membuat mereka menyimpang daripada realiti hidup. Hujah Larking (1997:39) selanjutnya adalah “*television image promises to insulate our lives from reality by entertaining us. [Thus,] the television image can rob young people of their time, and bring them into bondage to itself*”.

Persekutuan keluarga yang membiarkan anak-anak menonton televisyen berlebihan akan menghalang wujudnya suasana kondusif untuk pembelajaran. Selain itu, kajian yang dilakukan Francis (1997) ke atas 20,968 orang pelajar tahun sembilan dan sepuluh di England dan Wales telah menunjukkan pengaruh negatif menonton televisyen ke atas perkembangan sosio-psikologi remaja. Mereka yang ketagihan menonton televisyen menghadapi masalah sosio-psikologi, termasuk kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang mendapat perhatian daripada keluarga, kurang bermotivasi terhadap kerja sekolah, kurang keyakinan dalam hal agama, lebih percaya kepada perkara tahuul, selain lebih terlibat dalam masalah seks dan keganasan, berbanding dengan rakan sebaya yang kurang menonton televisyen.

Dalam sistem persekolahan di Malaysia, pelajar Melayu diberi pendidikan Islam secara formal dari peringkat rendah sehingga peringkat menengah. Di sekolah, mata pelajaran pendidikan Islam adalah mata pelajaran wajib kepada semua pelajar yang beragama Islam. Bidang utama dalam pendidikan ugama Islam di peringkat sekolah menengah adalah Adab Berteraskan Akhlak Islamiah (Kementerian Pendidikan Malaysia 2002). Tetapi, pengaruh negatif daripada persekitaran telah memberi kesan negatif kepada keberkesanannya pendidikan akhlak. Antara puncanya adalah pengaruh media massa yang disebut sebelum ini.

METODOLOGI KAJIAN

Sehubungan itu, satu kajian mengenainya telah dilakukan dengan menggunakan soal selidik setelah diubah suai daripada instrumen kajian yang dijalankan L. J. Francis (1997) dan Ab. Halim (2000). Dalam kajian ini, kami telah membuat analisis ke atas kandungan beberapa buah majalah, akhbar, laman web, program televisyen dan radio yang sering dihubung kait dengan remaja sebagai asas semasa membina instrumen kajian. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama yang mempunyai soalan berbentuk 5 skala Likert. Bahagian A cuba mendapatkan latar belakang responden kajian, Bahagian B berkaitan pendedahan media massa dan Bahagian C tentang pegangan akhlak remaja. Untuk memastikan keesahan dan kebolehpercayaan borang soal selidik, kami telah menjalankan satu kajian rintis di sebuah sekolah. Seramai 61 orang remaja terlibat dalam kajian rintis ini. Hasil daripada ujian Alpha yang dijalankan itu, tahap kebolehpercayaan untuk aspek pembangunan diri adalah tinggi, iaitu 0.8194.

Populasi kajian ini adalah remaja Melayu daripada Tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Sabak Bernam. Dalam memilih sampel

kajian, kami telah menggunakan kaedah *stratified random sampling* (Babbie 1986; Burns 2000; Best & Khan 2003) dengan 400 orang remaja daripada empat buah sekolah kebangsaan di daerah Sabak Bernam sebagai responen. Keempat-empat sekolah ini dipilih secara rawak berdasarkan senarai sekolah-sekolah di daerah Sabak Bernam. Kami telah mengedarkan sebanyak 400 borang soal selidik kepada sasaran pelajar di empat buah sekolah itu secara rawak dengan bantuan pembantu penyelidik yang dilantik di setiap sekolah. Akhirnya, sebanyak 398 borang soal selidik telah dikembalikan untuk dianalisis.

Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows Version 12.0.1*. Analisis datanya dilakukan dengan menggunakan statistik diskriptif, seperti peratus dan frekuensi, terutamanya yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan persepsi sampel terhadap item-item atau pembolehubah-pembolehubah kajian. Ujian *inferential Pearson's Correlation*, untuk melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah maklumat yang berkaitan latar belakang sampel kajian yang dijalankan.

JADUAL 1 Jantina Sampel

Jantina	N	Peratusan
Lelaki	200	50.3
Perempuan	198	49.7

Berdasarkan Jadual 1 di atas, didapati 50.3% responden itu adalah remaja lelaki, dengan bakinya 49.7% remaja perempuan. Daripada segi aliran akademik, majoriti responden (61.6%) adalah dari aliran sastera, dengan bakinya 26.9% daripada aliran sains, dan selebihnya 11.6% belajar dalam lain-lain aliran. Lihat Jadual 4.

JADUAL 2 Aliran Akademik

Aliran	N	Peratusan
Sains	107	26.9
Sastera	245	61.6
Lain-lain	46	11.6

Majoriti remaja yang dikaji (40.5%) memperolehi gred B bagi mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR), manakala 28.6% remaja pula memperolehi gred C. Hanya 14.3% remaja mendapat gred A, sementara 15.1% remaja lagi memperolehi pencapaian lemah

JADUAL 3 Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam dalam PMR

Gred	N	Peratusan
A	57	14.3
B	161	40.5
C	114	28.6
D	47	11.8
E	13	3.3

atau gagal (gred D dan E) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat PMR. Sila lihat Jadual 4.

Mengenai kemudahan siaran dan bahan hiburan di rumah, 23.1% responden memiliki VCD/DVD, 5.8% responden mempunyai kemudahan ASTRO dan 5.3% responden mempunyai Internet di rumah.

JADUAL 4 Kemudahan Siaran/Bahan Hiburan di Rumah

Jenis Siaran/ Bahan Hiburan	N dan (%) Kemudahan Siaran/Bahan Hiburan	
	Ada	Tiada
ASTRO	23 (5.8)	374 (94.0)
Internet	21 (5.3)	377 (94.7)
VCD/DVD	92 (23.1)	306 (76.9)

Selanjutnya diberi laporan analisis statistik deskriptif mengenai pengaruh media massa ke atas pegangan nilai akhlak di kalangan remaja Islam di Sabak Bernam. Selain itu, turut dimuatkan adalah persepsi remaja tersebut terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam KBSM serta kaitannya dengan pengaruh media massa yang mereka tonton.

Mengenai pendedahan mereka kepada media massa dalam sehari, secara keseluruhanya responden yang dikaji telah menghabiskan sejumlah 3.62 jam menonton televisyen, 2.96 jam mendengar radio, 2.34 jam membaca surat khabar, 2.30 jam menonton VCD/DVD, 2.21 jam membaca majalah, dan hanya 1.32 jam melayari laman web.

Min skor minat remaja kepada kandungan bahan dalam media massa yang ditonton responden dalam kajian ini telah ditunjukkan dalam Jadual 5. Berdasarkan jadual tersebut, ternyara bahawa kandungan bahan yang berbentuk hiburan ($\text{min} = 3.93$) adalah kriteria utama yang menjadi penentuan kepada pilihan remaja. Ini diikuti bahan kandungan yang berunsur agama ($\text{min} = 3.68$), bahan kandungan yang berunsur seram ($\text{min} = 3.66$), bahan kandungan yang berunsur pendidikan ($\text{min} = 3.56$), bahan kandungan yang berunsur *humor* ($\text{min} = 3.55$), bahan kandungan yang berunsur pengetahuan ($\text{min} = 3.46$), bahan kandungan yang berunsur sukan ($\text{min} = 3.32$) dan bahan kandungan yang berunsur lucah/ *X-rated* ($\text{min} = 1.62$).

JADUAL 5 Pendedahan kepada Media Massa di Kalangan Pelajar Dalam Sehari

Bil	Perkara (N=398)	(0)	TP	1	2	3	4	5	Min
1	Menonton televisyen	2 (0.5)	88 (22.9)	108 (28.1)	85 (22.1)	61 (15.8)	41 (10.6)		3.62
2	Menonton VCD/DVD	45 (11.3)	237 (73.2)	63 (16.4)	29 (7.5)	5 (1.3)	6 (1.6)		2.30
3	Mendengar radio	22 (5.7)	166 (43.2)	89 (23.2)	49 (12.3)	27 (7.0)	31 (8.1)		2.96
4	Membaca majalah	50 (13.1)	245 (64.0)	57 (14.9)	20 (5.2)	9 (2.3)	2 (0.5)		2.21
5	Melayari laman web	299 (75.1)	62 (16.2)	11 (1.8)	7 (1.8)	3 (0.8)	1 (0.3)		1.32
6	Membaca surat khabar	49 (12.7)	235 (60.7)	55 (14.2)	23 (5.9)	21 (5.4)	4 (1.0)		2.34

JADUAL 6 Minat Remaja Terhadap Kandungan Bahan dalam Media Massa

Bil	Perkara	Min
1.	Hiburan	3.93
2.	Agama	3.68
3.	Misteri/Seram	3.66
4.	Pendidikan	3.56
5.	Humor	3.55
6.	Pengetahuan Am/ <i>Discovery</i>	3.46
7.	Sukan	3.32
8.	Lucah/ <i>X-rated</i>	1.62

Analisis statistik deskriptif yang seterusnya adalah aspek pegangan nilai akhlak di kalangan remaja Melayu di Sabak Bernam dan kaitannya dengan pengaruh media massa. Pegangan nilai akhlak remaja dan hubungannya dengan pengaruh media massa telah dihirau berdasarkan min skor perkara dalam Jadual 7. Untuk memudahkan perbincangan, min skor pegangan nilai akhlak remaja dan pengaruh media massa telah dibahagikan kepada tiga kelompok: min tinggi (min antara 4.01 hingga 4.83), min sederhana (min antara 3.02 hingga 3.97), dan min rendah (min antara 2.69 hingga 2.99).

Daripada sejumlah 32 perkara yang berkaitan pegangan nilai akhlak remaja yang ditanya kepada responden, terdapat 14 perkara itu boleh dikelompokkan ke dalam min skor yang tinggi, iaitu min skor antara 4.01 hingga 4.83. Daripada jumlah tersebut pula, 9 perkara adalah berkaitan nilai yang positif serta selaras dengan pegangan nilai akhlak Islam seperti: "Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati" (min = 4.83); "Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya" (min = 4.71); "Saya mempunyai tanggungjawab sebagai

JADUAL 7 Pegangan Nilai Akhlak Remaja

Bil	Perkara	Min
1	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas	4.01
2	Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai	4.26
3	Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah	4.70
4*	Saya sering TIDAK berpuas hati dengan apa yang saya perolehi	2.79
5*	Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini	2.99
6*	Hidup saya penuh kekecewaan/ kesedihan	3.59
7*	Belajar di sekolah amat membosankan	3.62
8	Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah	4.31
9	Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan sehari-hari	4.17
10	Guru-guru di sekolah menjadi model/contoh teladan kepada saya	4.03
11	Saya sering merasa risau dengan ujian/peperiksaan di sekolah	4.06
12	Saya merasa bangga dengan sekolah saya	4.07
13	Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti	4.68
14	Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain	4.25
15	Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati	4.83
16	Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya	4.71
17*	Saya percaya bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan kita	2.69
18*	Saya percaya kepada ramalan bintang/horoskopik	3.54
19*	Merokok bukan satu amalan yang buruk	3.97
20*	Pergaulan antara lelaki dan perempuan TIDAK perlu disekat pada zaman ini	3.64
21*	<i>Dating</i> adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta	2.84
22*	Fesyen pakaian artis/selebriti mempengaruhi pemilihan pakaian saya	3.40
23*	Ibu bapa kita seharusnya mencontohi ibu bapa di barat mendidik anak-anak mereka	3.76
24	Jiran tetangga perlu mengambil peduli apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka	3.30
25*	Saya berpendapat rancangan TV banyak memberi pengetahuan seks kepada saya	3.68
26	Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya	3.44
27*	Kisah keruntuhan keluarga dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya	2.99
28*	Saya lebih suka menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks	4.22
29*	Seks luar nikah adalah amalan yang diterima oleh masyarakat hari ini	4.20
30	Media massa banyak menyiarangkan rancangan/bahan yang memupuk akhlak remaja	3.74
31*	Saya suka menonton rancangan yang berunsur keganasan	3.02
32*	Saya TIDAK berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan	3.26
	Min Keseluruhan	3.77

* Skor bagi item-item negatif ini telah dikodkan semula, dimana respons "Tidak Setuju" dan "Sangat Tidak Setuju" kepada pernyataan negatif diberi skala yang tinggi

hamba Allah” (min = 4.70); “Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti” (min = 4.68); “Saya merasa seronok apabila bersama rakan-rakan di sekolah” (min = 4.31); “Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/ bernilai” (min = 4.26); “Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain” (min = 4.25); “Sekolah membantu saya dalam menjalani kehidupan seharian” (min = 4.17); “Saya merasa bangga dengan sekolah saya” (min = 4.07); “Guru-guru di sekolah menjadi model/contoh teladan kepada saya” (min = 4.03); dan “Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas” (min = 4.01).

Walau bagaimanapun, terdapat juga 3 perkara yang berkaitan nilai negatif yang tersenarai dalam kelompok min skor yang tinggi, iaitu “Saya lebih suka menonton rancangan TV dan VCD yang berunsur seks” (min = 4.22); “Seks luar nikah adalah amalan yang diterima oleh masyarakat hari ini” (min = 4.20) dan “Saya sering merasa risau dengan ujian/ peperiksaan di sekolah” (min = 4.06). Malah, kalau disusun secara *ranking* tinggi rendah skor min 32 perkara tersebut, ketiga-tiga nilai negatif yang mendapat skor tinggi, masing-masingnya adalah pada kedudukan 8, 9, dan 12.

Kelompok min skor yang kedua adalah antara 3.02 hingga 3.97 dan terangkum di dalamnya adalah sejumlah 13 perkara yang berkaitan pegangan nilai akhlak remaja dan pengaruh media massa. Dalam kelompok ini, hanya 3 perkara itu berkaitan dengan nilai yang positif serta selaras dengan pegangan nilai akhlak Islam, iaitu “Media massa banyak menyiaran rancangan/ bahan

JADUAL 8 Hubungan Antara Pendedahan Media Massa dan Pegangan Nilai Akhlak

Pembolehubah	<i>r</i>	p	Aras Signifikan
Minat terhadap bahan-bahan hiburan dengan pegangan nilai akhlak	-.116	.020	Signifikan
Minat terhadap bahan-bahan sukan dengan pegangan nilai akhlak	-.084	.096	Tidak signifikan
Minat terhadap bahan-bahan humor dengan pegangan nilai akhlak	-.107	.034	Signifikan
Minat terhadap bahan-bahan seram dengan pegangan nilai akhlak	-.066	.191	Tidak signifikan
Minat terhadap bahan-bahan agama dengan pegangan nilai akhlak	.307	.000	Signifikan
Minat terhadap bahan-bahan pengetahuan am dengan pegangan nilai akhlak	.313	.000	Signifikan
Minat terhadap bahan-bahan lucu dengan pegangan nilai akhlak	-.452	.000	Signifikan
Minat terhadap bahan-bahan pendidikan dengan pegangan nilai akhlak	.342	.000	Signifikan
Jumlah terdedah dengan media massa dengan pegangan nilai akhlak	-.177	.000	Signifikan

yang memupuk akhlak remaja” (min = 3.74); “Adegan/gambar yang menjolok mata dalam media massa merisaukan saya” (min = 3.44) dan “Jiran tetangga perlu mengambil peduli apa yang dilakukan oleh anak-anak jiran mereka” (min = 3.30).

Sebaliknya, yang mendominasi kelompok min skor yang kedua ini adalah 10 nilai yang negatif seperti “Merokok bukan satu amalan yang buruk” (min = 3.97); “Ibu bapa kita seharusnya mencontohi ibu bapa di barat mendidik anak-anak mereka” (min = 3.76); “Saya berpendapat rancangan TV banyak memberi pengetahuan seks kepada saya” (min = 3.68); “Pergaulan antara lelaki dan perempuan tidak perlu disekat pada zaman ini” (min = 3.64); “Belajar di sekolah amat membosankan” (min = 3.62); “Hidup saya penuh kekecewaan/kesedihan” (min = 3.59); “Saya percaya kepada ramalan bintang/horoskopik” (min = 3.54); “Fesyen pakaian artis/selebriti mempengaruhi pemilihan pakaian saya” (min = 3.40); “Saya tidak berminat menonton rancangan yang berunsur kekeluargaan” (min = 3.26) dan “Saya suka menonton rancangan yang berunsur keganasan” (min = 3.02).

Kelompok min skor yang terakhir ialah antara 2.69 hingga 2.99 dan terangkum di dalamnya ialah sejumlah 5 perkara yang berkaitan pegangan nilai akhlak remaja dan pengaruh media massa yang disusun secara *ranking* seperti berikut “Kisah keruntuhan keluarga dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya” (min = 2.99); “Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini” (min = 2.99); “Dating adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta” (min = 2.84); “Saya sering tidak berpuas hati dengan apa yang saya perolehi” (min = 2.79) dan “Saya percaya bahawa hantu/tahyul boleh memudaratkan kita” (min = 2.69).

Beberapa ujian *Pearson's Correlation* telah dilakukan kami untuk melihat hubungan antara beberapa pembolehubah. Dalam Jadual 7, telah ditunjukkan ringkasan dapatan daripada analisis yang telah dijalankan. Dapatan daripada kajian itu menunjukkan minat terhadap bahan-bahan hiburan dengan pegangan nilai akhlak mempunyai hubungan negatif yang signifikan ($r = -.116$). Walaupun hubungan itu sangat lemah, tetapi ia penting daripada perspektif statistik. Bagi hubungan minat terhadap bahan media massa yang berunsur sukan dengan pegangan nilai akhlak, dapatan menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-duanya ($r = .084$). Minat terhadap bahan media massa yang berunsur humor pula mempunyai hubungan negatif yang sangat lemah pegangan nilai akhlak remaja ($r = -.107$).

Minat remaja terhadap bahan media massa yang berunsur seram tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan nilai akhlak mereka ($r = -.066$). Bagi aspek minat terhadap bahan media massa yang berunsur agama, dapatan kajian ini menunjukkan ianya mempunyai hubungan yang bermakna dengan pegangan nilai akhlak remaja ($r = .307$). Begitu juga dengan minat remaja terhadap bahan media massa yang berunsur pengetahuan am dengan pegangan nilai akhlak mereka dimana wujud hubungan yang signifikan antara

kedua-duanya ($r = .313$). Dapatan kajian ini juga menunjukkan minat terhadap bahan media massa yang berunsur lucah mempunyai hubungan negatif yang penting dengan pegangan nilai akhlak di kalangan remaja ($r = -.452$). Jadual di atas menunjukkan minat remaja terhadap bahan media massa yang berunsur pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan nilai akhlak mereka ($r = .342$) walaupun hubungan tersebut masih berada pada tahap lemah. Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberikan gambaran bahawa jumlah masa remaja yang terdedah kepada media massa mempunyai hubungannya dengan tahap pegangan nilai akhlak di kalangan remaja. Hubungan negatif yang ada antara kedua-dua pembolehubah ini adalah signifikan walaupun berada dalam keadaan yang sangat lemah ($r = -.177$). Ia tidak menunjukkan hubungan positif terhadap peningkatan tahap pegangan nilai akhlak di kalangan remaja tersebut.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Pada keseluruhannya, dari segi urutan, televisyen adalah media massa yang paling diminati remaja, diikuti dengan mendengar radio, membaca akhbar, menonton VCD/DVD, membaca majalah dan melayari laman web. Dapatan ini menunjukkan media elektronik seperti televisyen dan radio telah dilihat sebagai pilihan utama remaja dalam kajian ini. Keadaan ini mungkin disebabkan faktor seperti fungsi asal televisyen dan radio memberi perkhidmatan berasaskan konsep hiburan, menyeronokkan, mudah dan ia boleh ditonton secara pasif. Dapatan ini secara asasnya selaras dengan pandangan Larking (1997) yang menyatakan televisyen telah mengambil alih fungsi bahan-bahan bacaan sebagai sumber ilmu dan hiburan. Antara faktor lain menyumbang kepada tingginya tahap pendedahan remaja kepada televisyen dan radio berbanding dengan bahan-bahan bacaan lain adalah kerana akses yang mudah dan menyeluruh bagi kedua-dua media elektronik itu di rumah.

Hampir semua rumah di negara ini, sama ada di bandar atau luar bandar, mampu memiliki televisyen kerana harganya yang murah. Berdasarkan tinjauan yang dibuat di Lembah Kelang, sebuah televisyen kini boleh dibeli dengan harga serendah RM199.00 sahaja, manakala sebuah radio kecil kini boleh dibeli dengan harga kurang RM10.00. Berbanding dengan keadaan sepuluh tahun lalu, kebanjiran alat-alat media elektronik yang murah dari China, Vietnam, Indonesia dan Taiwan telah memberi peluang kepada masyarakat daripada pelbagai lapisan untuk memiliki televisyen dan radio. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan tahap pendedahan remaja kepada bahan yang berasaskan komputer dan teknologi maklumat masih pada tahap paling rendah. Keadaan ini mungkin disebabkan kekurangan kemudahan komputer secara meluas di kawasan luar bandar seperti di daerah Sabak Bernam. Pendedahan terhadap bahan-bahan bacaan pula hanya berada pada tahap sederhana. Kajian ini secara umumnya selaras dengan kajian

yang telah dilakukan Larking (1997) dan Ab. Halim et. al. (2005) yang mendapati media elektronik memberi kesan kepada kurangnya tahap minat membaca di kalangan golongan remaja.

Dari aspek kandungan media, dapatan kajian ini menunjukkan bahan media massa yang berbentuk hiburan adalah jenis kandungan yang paling diminati remaja dengan min 3.93. Bahan media massa yang berbentuk keagamaan menduduki tempat kedua dan dikuti bahan media massa yang berbentuk cerita seram atau berbentuk misteri. Bahan media massa yang berbentuk pendidikan pula hanya berada pada tahap keempat, disusuli bahan media massa yang berbentuk humor, pengetahuan am dan sukan. Selain itu, terdapat juga segelintir remaja yang mengaku meminati bahan media massa yang berunsur lucuah. Walaupun jumlahnya kecil, isu ini tidak harus dikesampingkan kerana mereka mungkin boleh mempengaruhi rakan jika tidak dikawal dengan berkesan.

Secara umum, minat remaja terhadap tujuh jenis kandungan bahan media massa seperti yang dinyatakan di atas nampaknya tidak banyak berbeza. Yang jelas adalah bahan media massa yang berbentuk hiburan adalah bahan yang paling diminati remaja. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka lebih banyak atau mudah terdedah kepada bahan media massa yang berbentuk hiburan yang ada dalam pelbagai bentuk, seperti televisyen, radio, VCD, DVD, Internet, majalah dan akhbar. Berdasarkan analisis dan pemerhatian yang dijalankan ke atas siaran televisyen dan radio di negara ini dan juga negara lain, kedua-dua alat media massa ini beroperasi berdasarkan pendekatan hiburan di mana ia dijadikan sebagai kaedah utama dalam siaran-siaran mereka (Ab. Halim 2000; Ab. Halim et al. 2005).

Secara keseluruhan, tahap pegangan akhlak di kalangan remaja Melayu yang dikaji itu berada pada tahap sederhana sahaja. Dapatan kajian ini perlu diteliti dengan lebih mendalam kerana tahap pengangan akhlak tidak mencapai tahap yang baik. Yang dirumuskan daripada dapatan kajian ini adalah item-item yang berkaitan asas Islam seperti ketuhanan dan kepercayaan kepada Allah serta ibadah khusus adalah tinggi. Antara item-item tersebut ialah “Saya percaya dengan pembalasan daripada Allah selepas mati” (min = 4.83); “Kitab al-Quran menjadi panduan utama hidup saya” (min = 4.71); “Saya mempunyai tanggungjawab sebagai hamba Allah” (min = 4.70); “Saya seorang yang yakin dengan agama Islam yang saya anuti” (min = 4.68); “Saya merasakan bahawa hidup saya bermakna/bernilai” (min = 4.26); “Saya akan mendahulukan amalan agama daripada perkara-perkara lain” (min = 4.25).

Namun begitu, terdapat beberapa item perlu diberi perhatian oleh guru-guru dan ibu bapa kerana min yang diperolehi adalah agak rendah. Item-item tersebut adalah seperti berikut “Kisah keruntuhan keluarga dalam media massa memberi kesan negatif kepada saya” (min = 2.99); “Saya selalu merasa tertekan dalam menjalani kehidupan di dunia ini” (min = 2.99); “*Dating* adalah perkara biasa bagi pasangan yang bercinta” (min = 2.84); “Saya sering tidak berpuas hati dengan apa yang saya perolehi” (min = 2.79); dan “Saya percaya bahawa

hantu/tahyul boleh memudaratkan kita” (min = 2.69). Skor min bagi kelima-lima item ini adalah antara 2.69 hingga 2.99.

KESIMPULAN

Dapatkan kajian ini menunjukkan tempoh pendedahan yang tinggi terhadap media massa telah memberi kesan negatif ke atas pegangan nilai akhlak dan juga terhadap persepsi remaja Melayu ke atas keberkesanan pengajaran pendidikan akhlak yang diberikan. Di samping itu, dapatan ini juga menunjukkan minat remaja terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, humor, seram dan lucu turut memberi kesan negatif ke atas pegangan nilai akhlak para remaja. Dapatkan ini juga menunjukkan pendedahan yang tinggi terhadap media massa telah memberi kesan negatif ke atas pegangan akhlak di kalangan para remaja Melayu di luar bandar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2000. A Study of Students' Knowledge of Akhlaq of the Malaysian Secondary Education. Tesis PhD, Universiti of Birmingham.
- _____ et. al. 2005. Permasalahan Pelajar Fakir Miskin di Daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan*. 30: 21-34.
- _____ & Zarin Ismail. 2006. Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian Remaja di Sabak Bernam. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-5*: 1-8.
- Al-Ghazali, Ahmad Muhammad bin Muhammad, t.t. *Ihya' 'Ulum al-Din V Vols*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qardawi, Yusof. 1981. *Khasais al-'ammah lil Islam*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Babbie, E. 1986. *The Practice of Social Research*. California: Wadsworth Publishing.
- Best, J. W & Khan, J. V. 2003. *Research in Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- Burns, R. B. 2000. *Introduction to Research Methods*. London: Sage Publication.
- Damon, W. & Colby, A. 1996. Education and Moral Commitment. *Journal of Moral Education*. 25(1): 31-37.
- Francis, L.J. 1997. The Socio-Psychological Profile of the Teenage Television Addict. *Muslim Education Quarterly*. 15(1): 6-19.
- Hill, R. 1998. What Sample Size is Enough in Internet Survey Research? *Interpersonal Computing and Technology: An Electronic Journal for the 21st Century*. 6(3-4): 1-10.
- Larking, L. 1997. Television, Popular Culture and Humiliation of Written Word. *Muslim Education Quarterly*. 15(1): 38-44.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002. *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Mughess-uddin, 1997. An Islamic Framework of Media Ethics: Problems and Challenges. *Hamdard Islamicus*. 20(4): 57-67.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 1992. *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Syed Ali Ashraf, 1997. Mass Media Communications, Religion and Education. *Muslim Education Quarterly*. 15(1): 1-3.

Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. 2002. *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media.

Ab. Halim Tamuri, Ph.D
Pensyarah Kanan
Jabatan Perkaedahan dan Amalan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
Emel: abhalim@ukm.my

Zarin Ismail M. Ed.
Pensyarah Kanan,
Jabatan Asas Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan
Emel: zaril@ukm.my